

**Agong Lawat Azizan Untuk Kali Kedua Di HPP
Bernama
27 Jun, 2013**

GEORGE TOWN, 27 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah Khamis menziarahi bekas Menteri Besar Kedah Tan Sri Azizan Abdul Razak yang kini dirawat di Unit Rawatan rapi (ICU) Hospital Pulau Pinang (HPP).

Baginda diiringi Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Farizan Darus dan Exco Kesihatan negeri Dr Afif Bahardin.

Tuanku Abdul Halim tiba di HPP pada 4.20 petang dan meluangkan masa kira-kira 10 minit menziarahi Azizan dalam wad ICU itu.

Sementara itu, Afif berkata Azizan dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan terbaik.

"Kesihatan Azizan telah beransur baik dengan rawatan namun beliau tidak dibenarkan 'discharge' (keluar) dalam tempoh yang terdekat," katanya.

Azizan, 73, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri Sungai Limau, menjalani pembedahan memotong kedua-dua belah kakinya akibat komplikasi penyakit kencing manis pada awal Mei lepas.

Beliau dipindahkan ke HPP pada 8 Mei dari Kedah Medical Centre selepas dirawat kerana jangkitan kuman pada kakinya dua hari sebelum itu.

Azizan yang juga, Pesuruhjaya PAS Kedah terpaksa melepaskan jawatan Menteri Besar Kedah berikutan kekalahan pakatan pembangkang kepada Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Umum Ke-13, 5 Mei lalu.

BN memperoleh 21 daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) sekali gus mendapat majoriti mudah bagi membolehkan parti itu menubuhkan kerajaan negeri yang baharu.

Antara pemimpin yang telah melawat Azizan termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, dan Menteri Besar Kedah yang baharu Datuk Mukhriz Tun Mahathir.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=959354>